

09/02/2003

Mahathir lawat Pelabuhan Marina

ALOR STAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa kira-kira sejam melawat sekitar kawasan Pelabuhan Marina Kuala Kedah, dekat sini semalam.

Beliau yang tiba dengan helikopter dari Langkawi turut menaiki bot untuk meninjau persekitaran pelabuhan berharga RM26 juta yang dibina untuk menempatkan kapal layar.

Turut mengiringi Perdana Menteri ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib yang juga Ahli Parlimen Langkawi.

Dr Mahathir turut diberi taklimat oleh pengurus projek Ahmad Kamal Yaacob mengenai pelabuhan yang dijangka siap April depan.

Ahmad Kamil yang ditemui selepas itu, berkata Dr Mahathir gembira dengan pembangunan projek di kawasan seluas 16 hektar yang dimulakan Jun tahun lalu.

"Keseluruhannya projek ini sudah siap 65 peratus dan kami akan bina rumah kelab dua tingkat yang dijangka siap dua bulan lagi," katanya.

Pelabuhan yang dikendalikan BF Intra Sdn Bhd itu mampu menempatkan 44 kapal layar bersaiz sehingga 30 meter pada setiap masa.

Ahmad Kamil berkata, buat masa ini pelabuhan tidak mampu menempatkan kapal layar bersaiz besar berikutan air di kawasan itu agak cetek.

"Kami menghadapi masalah lumpur. Beberapa bulan lalu, kami mengorek selut di sini tetapi baru-baru ini mendapati kedalaman air di situ berkurangan dua meter," katanya.